

Nafkah

dalam Perkahwinan



Tugas suami sebagai pemimpin dan ketua bagi sesebuah keluarga bukan suatu perkara yang mudah. Suami bukan hanya bertanggungjawab menjaga dan memelihara maruah isteri dan keluarganya, tetapi dalam skop yang lebih besar wajib memberikan nafkah yang sepatutnya diterima oleh isteri dan anak-anak.

Perkara ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam *Surah al-Nisa'* ayat 34 yang bermaksud, "Lelaki (suami) itu pelindung bagi perempuan (isteri), kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (perempuan), dan kerana mereka (lelaki) telah memberikan nafkah dan hartanya."

Pada masa ini, terlalu banyak kes tentang suami yang mengabaikan tanggungjawab untuk memberikan nafkah kepada isteri dilaporkan. Lebih-lebih lagi apabila isteri bekerja, nafkah dan keperluan mereka diabaikan dengan alasan si isteri sudah mempunyai pendapatan yang stabil dan tetap. Lebih teruk lagi, ada yang digelar "biawak hidup" kerana langsung tidak memberikan nafkah sehingga si isteri pula

Kebanyakan ulama berpendapat bahawa terdapat enam nafkah yang utama dan wajib diberikan kepada isteri, iaitu makanan, barangan keperluan dapur, pakaian, tempat tinggal, peralatan kebersihan diri dan barangan keperluan rumah.

terpaksa keluar bekerja bagi menyara keluarga akibat perlakuan suami yang malas bekerja. Sepatutnya, selaku ketua keluarga, suami hendaklah berusaha mencari rezeki yang halal sebagai nafkah yang berkat untuk keluarganya.

Berdasarkan kitab *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafii*, nafkah dari segi bahasa ialah mengeluarkan, iaitu pembiayaan perbelanjaan seseorang terhadap ahli keluarga yang berada di bawah tanggungannya.

Dari segi syarak pula, nafkah ialah keperluan utama berupa makanan, pakaian, tempat tinggal dan selainnya. Kesemua perkara ini dinamakan nafkah kerana dikeluarkan atau digunakan untuk perkara tersebut.

Oleh itu, kebanyakan ulama berpendapat bahawa terdapat enam nafkah yang utama dan wajib diberikan kepada isteri, iaitu makanan, barangan keperluan dapur, pakaian, tempat tinggal, peralatan kebersihan diri dan barangan keperluan rumah. Tuntutan memberikan nafkah juga telah dijelaskan dalam al-Quran, iaitu Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Hendaklah orang yang mampu memberikan nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah dia memberikan nafkah daripada apa-apa yang diberikan oleh Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan." (*Surah al-Talaq* 65:7).

Oleh itu, seseorang suami yang beriman tidak sesekali akan mengabaikan tanggungjawab terhadap isterinya, malah mereka akan meringankan lagi tugas dan peranan isteri. Hal ini dikatakan demikian kerana mengabaikan pemberian nafkah kepada isteri dan anak-anak merupakan satu bentuk dosa. Perkara ini dijelaskan dalam sebuah hadis riwayat Abu Dawud

daripada Abdullah bin Amr bin al-Ash, beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Cukuplah seseorang lelaki itu dikira berdosa apabila dia mengabaikan tanggungjawabnya ke atas sesiapa yang berada di bawah penjagaannya."

Oleh itu, suami hendaklah menzahirkan kecintaan mereka terhadap isteri yang dikahwini dengan menyediakan nafkah yang mencukupi, seterusnya melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan bermula dari waktu pernikahan hinggalah melayari alam perkahwinan.

Rasulullah SAW Ikon Suami Bertanggungjawab

Sesuatu amalan yang dilakukan oleh suami dengan ikhlas kerana Allah SWT serta bertepatan dengan sunah Rasulullah SAW, maka amalan tersebut akan diterima dan mendapat pahala di sisi Allah SWT. Contohnya Rasulullah SAW yang amat mengasihi isteri Baginda dengan turut membantu mereka menjalankan urusan rumah tangga dengan sebaik-baiknya.

Suami dilarang menganiayai isteri seperti menjadikan isteri sebagai penama dalam pembiayaan peribadi mereka, dan hutang tersebut terpaksa ditanggung oleh isteri sepenuhnya. Walaupun isteri bekerja dan mempunyai pendapatan yang lebih besar, si suami tetap wajib memberikan nafkah kepada isteri. Perkara ini menunjukkan betapa besarnya tugas dan tanggungjawab suami dan bukannya menjadikan isteri tempat melepaskan nafsu semata-mata.

Oleh itu, dalam melayari sesebuah rumah tangga yang bahagia, pedoman yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW perlu diambil sebagai bekalan kehidupan di dunia ini. Firman Allah SWT dalam *Surah al-'Araf* ayat 158 yang bermaksud, "Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan rasul-Nya, nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kalimah-Nya (kitab-Nya) dan ikutilah dia (Rasulullah SAW) supaya kamu beroleh hidayah petunjuk."

Realiti Kos Sara Hidup Masa Ini

Sejajar dengan kos sara hidup yang semakin meningkat pada masa ini, suami dan isteri haruslah memahami antara satu dengan lain sewaktu mengurus rumah tangga agar kekal aman dan bahagia. Nafkah yang diberikan oleh suami tidaklah bersifat mutlak kerana setiap orang tidak sama kemampuannya. Oleh itu, suami isteri hendaklah menyemai perasaan ihsan dan saling memahami antara satu dengan lain terutamanya ketika berbelanja.



Dengan kos sara hidup terutamanya keperluan asas dan gaya hidup yang semakin meningkat pada masa ini, seharusnya suami dan isteri memainkan peranan yang penting untuk mengatur sama ada sesuatu perkara itu keperluan ataupun kehendak.

urusan pemberian nafkah sebaik-baik mungkin dengan memberikan keselesaan kepada isteri, bukan kemewahan atau pembaziran yang melampau sehingga menyebabkan kemudaratan yang lain.

Kasihaniilah isteri dengan sebaik-baiknya kerana mereka merupakan kebahagiaan bagi seseorang suami. Dalam sebuah hadis riwayat Muslim daripada Abdullah bin Amr r.a., bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Dunia merupakan keseronokan sementara dan keseronokan yang paling baik ialah wanita yang solehah."

Pepatah ukur

baju di badan sendiri amatlah relevan dan sesuai dengan situasi pada masa ini. Jangan sesekali berbelanja dengan boros sehingga menyebabkan timbul masalah lain yang membelenggu keluarga seperti meminjam wang bagi memenuhi keperluan keluarga. Oleh itu, suami hendaklah memberikan komitmen dan melaksanakan tanggungjawab dalam

rohani, memelihara akhlak daripada kerosakan dan keruntuhannya, dan memelihara generasi manusia yang sejahtera.

Selanjutnya, terdapat beberapa syarat bagi seseorang suami memberikan nafkah kepada isterinya. Kitab *al-Fiqh al-Manhaji* telah menetapkan dua syarat yang perlu dipenuhi. Pertama, isteri merelakan dirinya untuk bermesra (*istimta'*) dan bersama dalam keadaan yang dibenarkan syarak. Sekiranya isteri menolak walaupun sedikit, maka suami tidak wajib memberikan nafkah kepada isterinya. Namun begitu, sekiranya suami ingin bersama dengan isterinya dalam keadaan yang diharamkan, sakit atau uzur, maka keengganan isteri melayani suaminya tidak menggugurkan kewajipan suami untuk memberikan nafkah.

Kedua, isteri mengikut untuk tinggal di rumah yang dipilih oleh suaminya. Si isteri wajib tinggal di rumah yang disediakan oleh suaminya melainkan tempat tinggal itu tidak sesuai untuk didiami dari sudut syarak. Jika kesemua syarat itu dipenuhi, maka wajib bagi suami untuk memberikan setiap nafkah yang diperlukan oleh isteri.

Lumrah Alam Rumah Tangga

Bak kata pepatah, sedangkan lidah lagi tergigit, inikan pula hubungan suami isteri. Pasti ada ranjau duka dan kekurangan yang melengkap antara satu dengan lain. Dalam al-Quran, Allah SWT berfirman yang

Hikmah di Sebalik Perkahwinan

Antara hikmah daripada alam perkahwinan termasuklah menyuburkan rasa kasih sayang antara suami dengan isteri. Suami yang terbaik ialah seseorang yang menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan sebagai suami dengan baik, dan isteri yang terbaik ialah seseorang yang menunaikan tanggungjawab sebagai isteri dengan sebaik-baiknya.

Dalam kitab *al-Fiqh al-Manhaji* karangan Dr. Mustafa al-Khin, dinyatakan dengan jelas bahawa antara hikmah perkahwinan termasuklah untuk memenuhi keperluan fitrah manusia mengembangkan masyarakat Islam dengan keturunan, mewujudkan ketenangan jiwa dan ketenteraman

bermaksud, “Mereka (isterimu) merupakan pakaian bagimu dan kamu merupakan pakaian bagi mereka.” (Surah al-Baqarah 2:187). Ayat ini mengisyaratkan bahawa pasangan suami atau isteri merupakan pakaian yang sepatutnya dijaga dengan cermat dan menutupi hal peribadi agar tidak diketahui oleh orang lain.


Suami merupakan pakaian bagi isteri, manakala isteri pula ialah pakaian bagi suami. Jika seseorang suami atau isteri dengan mudah mendedahkan keaiban pasangannya, hal ini bermaksud tanpa sedar mereka telah membiarkan diri mereka seolah-olah dalam keadaan tidak berpakaian. Sepatutnya, suami dan isteri perlu saling menjaga kekurangan diri kerana di sebalik kekurangan itulah yang akan melengkapkan kehidupan antara dua insan yang dihalaikan melalui perkahwinan.

Nafkah dari Sudut Perundangan

Isteri yang tidak mendapat nafkah yang sewajarnya daripada suami berhak menuntut nafkah yang tidak diberikan oleh suami di mahkamah. Merujuk Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, mahkamah boleh memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya.

Perkara ini berdasarkan Seksyen 59 (1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 yang tertakluk pada hukum syarak. Selain itu, Seksyen 69 akta yang sama turut memperuntukkan tuntutan tunggakan nafkah. Selanjutnya, nafkah zahir juga boleh diminta daripada suami secara baik semasa dalam pernikahan. Jika suami gagal memberikan nafkah, maka isteri berhak menuntut nafkah di mahkamah syariah yang berhampiran.

Perkahwinan bukannya melihat sejauh mana kehebatan seseorang, tetapi adalah untuk melengkapkan kekurangan antara satu dengan lain. Dengan kos sara hidup terutamanya keperluan asas dan gaya hidup yang semakin meningkat pada masa ini, seharusnya suami dan isteri memainkan

peranan yang penting untuk mengatur sama ada sesuatu perkara itu keperluan ataupun kehendak. Perbincangan secara harmoni amat penting untuk mewujudkan ikatan kasih sayang yang bahagia. 



Doa agar Mendapat Keluarga yang Soleh

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ
أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

Maksudnya:

“Wahai Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri dan zuriat keturunan kami sebagai penenang hati kami, dan jadikanlah kami pemimpin iktian bagi orang yang bertakwa.”

(Surah al-Furqan 25:74)

